

KEBERKESANAN INTERVENSI PROGRAM PASPORT KEHADIRAN TERHADAP TAHAP KEHADIRAN MURID TINGKATAN 4 DAN TINGKATAN 5

Azlina binti Ab. Jalil, Johari bin Budin@ Mahasan, Norhayati bt Ismail
& Hamidah bt Baharum
Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan, Kuantan, Pahang

ABSTRAK

Isu kehadiran dalam kalangan murid sekolah menengah bukanlah satu isu yang baru diperkatakan. Ia menjadi isu yang menjadi fokus ramai pengkaji-pengkaji terdahulu. Menyedari kehadiran murid ke sekolah adalah penting untuk guru-guru menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni kepada murid, maka kajian tindakan ini dilaksanakan dalam kalangan murid tingkatan 4 dan 5 yang didapati jumlah ketidakhadiran mereka melebihi 15 hari dalam tempoh Mac hingga Jun tahun 2022. Tujuan kajian ini adalah dengan menggunakan Pasport Kehadiran sebagai intervensi bagi meningkatkan kehadiran murid Tingkatan 4 dan 5 di SMK Pandan. Sehubungan dengan itu seramai 23 responden terpilih dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk eksperimen dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini melaksanakan ujian pra dan ujian pos Soal Selidik Punca Ketidakhadiran Ke Sekolah dan melaksanakan program Pasport Kehadiran kepada responden. Oleh kerana responden tidak ramai, data dianalisis secara manual. Data analisis menunjukkan penurunan bilangan responden dalam item soal selidik. Antaranya dalam konstruk sosio ekonomi menunjukkan ujian pra bagi soalan 'saya tiada kenderaan untuk ke sekolah' mencatatkan deskriptif peratus sebanyak 52.17% dan menurun ke 8.69% pada ujian pos. Begitu juga dalam konstruk sikap bagi soalan 'saya selalu tidur lewat' pada ujian pra mencatatkan 73.91% dan menurun kepada 13.0% pada ujian pos. Ini menggambarkan bahawa responden sedaya upaya untuk mengubah tingkahlaku ke arah yang lebih baik dan meningkatkan kehadiran ke sekolah.

KATA KUNCI: Keberkesanan, Intervensi, Murid, Ketidakhadiran, Eksperimen

PENGENALAN


Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan mempunyai 14 buah kelas di peringkat menengah atas, iaitu tujuh buah kelas tingkatan 5 dan tujuh buah kelas tingkatan 4. Murid-murid yang menjadi responden kajian dipilih berdasarkan kekerapan ketidakhadiran yang paling tinggi berdasarkan rekod Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM), dan murid yang menerima surat amaran bermula dari bulan Mac hingga Jun 2022. Peratus ketidakhadiran murid ke sekolah semakin merosot dan tidak mencapai KPI PPD yang disasarkan iaitu 86%.

Bagi Veloo dan Kim (2014), menyelar bahawa ketidakhadiran ke sekolah adalah tingkahlaku devians seorang murid kerana tidak hadir ke sekolah tanpa pengetahuan ibu bapa mahupun guru. Ketidakhadiran murid ke sekolah ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam matapelajaran yang diajar oleh guru pada hari berkenaan dan boleh menyebabkan prestasi akademik mereka juga terjejas. Selain daripada keciciran, ketidakhadiran ke sekolah juga boleh menjadi punca kegagalan dalam peperiksaan (Neelam, 2013). Menurut Nyika dan Mercy (2004) menjelaskan bahawa pelajar perlu berada di sekolah untuk lulus dan meningkatkan pemerolehan peluang dalam kehidupan mereka. Pandangan ini disokong oleh Nemeć dan Watson (2007) yang menjelaskan, “there is the concern among educators that students who are not learning the importance of attendance will struggle in the workplace where truancy can easily cost workers their livelihood.” Untuk itu program Pasport Kehadiran yang dijalankan di SMK Pandan merupakan satu intervensi bagi menangani isu ketidakhadiran murid ke sekolah. Fokus kajian ini adalah menumpukan perhatian terhadap masalah ponteng sekolah yang tinggi dalam kalangan murid Tingkatan 4 dan 5 di SMK Pandan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Data Kehadiran Mengikut Tingkatan

Semakan data kehadiran murid dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) mendapati kehadiran murid Tingkatan 4 mencatat kehadiran pada April sebanyak 80.83 peratus, Mei sebanyak 82.84 peratus dan Jun menurun ke 79.15 peratus. Jumlah keseluruhan kehadiran untuk tiga bulan adalah 83.5 peratus. Manakala bagi kehadiran murid Tingkatan 5 pula mencatat 78.06 peratus bagi bulan April, 83.4 bagi bulan Mei dan pada Jun menurun kepada 80.95 peratus. Secara keseluruhan kehadiran 3 bulan bagi tingkatan 5 adalah 83.4 peratus.



Rajah 1: Peratus Kehadiran Murid Tingkatan 4 dan 5 Bagi Bulan April - Jun 2022

Data Kehadiran Mengikut Kelas

Bagi Tingkatan 4, Kelas 4 Ibnu Abbas, 4 Ibnu Bathutah dan 4 Ibnu Khaldun mencatatkan kehadiran yang terendah sepanjang Mac hingga Jun 2022. Peratus kehadiran bagi tiga kelas ini hanya pada 62.18 peratus hingga 78.33 peratus sahaja. Bagi Tingkatan 5 pula, kelas 5 Ibnu Bathutah mencatatkan peratus yang paling rendah iaitu 60.56 peratus hingga 71.66 peratus pada April hingga Jun 2022. Bagi kelas 5 Ibnu Abbas, 5 Ibnu Khaldun dan 5 Ibnu Rusyd mencatat kehadiran dalam lingkungan 72.24 peratus hingga 78.82 peratus sahaja.

DATA KEHADIRAN MURID BAGI BULAN MAC HINGGA JUN 2022				
TINGKATAN 4	BULAN			
	MAC	APRIL	MEI	JUN
T4 4 IBNU ABBAS	100%	75.89%	78.33%	74.12%
T4 4 IBNU BATHUTAH	100%	62.18%	62.86%	54.62%
T4 4 IBNU KHALDUN	100%	72.59%	72.59%	64.19%
T4 4 IBNU MAJJAH	100%	86.63%	86.67%	86.15%
T4 4 IBNU QAYYIM	100%	94.60%	96.67%	96.25%
T4 4 IBNU RUSYD	100%	87.43%	93.68%	87.31%
T4 4 IBNU SINA	100%	86.50%	89.09%	91.41%

Rajah 2 : Data Kehadiran Tingkatan 4

DATA KEHADIRAN MURID BAGI BULAN MAC HINGGA JUN 2022				
TINGKATAN 5	BULAN			
	MAC	APRIL	MEI	JUN
T5 5 IBNU ABBAS	100%	78.82%	81.18%	78.55%
T5 5 IBNU BATHUTAH	100%	60.56%	68.37%	71.66%
T5 5 IBNU KHALDUN	100%	78.57%	87.30%	75.91%
T5 5 IBNU MAJJAH	100%	80.52%	88.41%	90.67%
T5 5 IBNU QAYYIM	100%	91.36%	92.12%	87.17%
T5 5 IBNU RUSYD	100%	72.78%	76.30%	72.24%
T5 5 IBNU SINA	100%	83.79%	90.11%	90.47%

Rajah 3 : Data kehadiran Tingkatan 5

Data Ketidakhadiran Mengikut Responden.

Jumlah responden yang terlibat adalah 23 orang dan data menunjukkan ketidakhadiran responden paling rendah adalah sebanyak 19 hari dan paling tinggi 49 hari bagi 3 bulan pertama iaitu April, Mei dan Jun.

Jadual 4: Jumlah Ketidakhadiran Mengikut Responden

Responden	Bilangan hari ponteng
R1	49
R2	49
R3	48
R4	48
R5	47
R6	45
R7	42
R8	38
R9	36
R10	36
R11	36
R12	32

Responden	Bilangan hari ponteng
R13	30
R14	30
R15	29
R16	28
R17	25
R18	23
R19	22
R20	21
R21	19
R22	19
R23	19

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini melalui program Pasport Kehadiran yang dijalankan adalah dapat meningkatkan peratus kehadiran murid Tingkatan 4 dan 5 ke sekolah. Objektif utama kajian yang di jalankan ini adalah untuk:

- i Mengenalpasti kebekesanan program Pasport Kehadiran dalam meningkatkan jumlah kehadiran murid ke sekolah.
- ii Meningkatkan jumlah kehadiran murid Tingkatan 4 dan 5 ke sekolah melalui program Pasport Kehadiran

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk eksperimen dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kajian ini melaksanakan ujian pra dan ujian pos Soal Selidik Punca Ketidakhadiran Ke Sekolah dan melaksanakan program Pasport Kehadiran kepada responden. Oleh kerana responden tidak ramai, data dianalisis secara manual. 23 orang murid Tingkatan 4 dan 5 yang mencatatkan rekod ponteng sekolah melebihi 15 hari pada bulan April hingga Jun 2022. Hasil perbincangan antara Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) bersama Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Pengetua, beberapa perancangan pelaksanaan akan dijalankan

dalam melaksanakan program Pasport Kehadiran ini. Pelaksanaan tersebut adalah seperti berikut:

a) Penyerahan Pasport Kehadiran dan Akujanji

Setelah responden dikenalpasti, mereka dikumpulkan di Bilik Gerakan untuk sesi pertemuan bersama GPK HEM dan Pengetua. Sedikit amanat daripada Pengetua kepada semua responden. Mereka juga diberi Pasport Kehadiran dan membaca ikrar sebagai akujanji di hadapan pentadbir.

b) Menjalankan Soal Selidik

Setiap responden perlu menjawab soal selidik Punca Ketidakhadiran ke Sekolah. Soal selidik ini terdiri daripada empat konstruk iaitu sosio ekonomi, akademik, sikap dan sosial/persekitaran. Setiap konstruk mempunyai lima item soalan yang memberi pilihan jawapan 'ya' dan 'tidak' sahaja. Soal selidik ini diberikan sebagai pra ujian dan pos ujian.

c) Sesi Kaunseling

Responden dipanggil untuk menjalani sesi kaunseling secara kelompok dan individu secara berkala.

d) Sesi Lapori Diri

Sepanjang 20 hari, responden perlu melaporkan kehadiran mereka kepada GBKSM. Kaedah yang digunakan adalah GBKSM akan menandatangani kehadiran mereka dalam Pasport kehadiran dan mencatat kehadiran dalam borang Senarai Semak Kehadiran. Setiap pagi mereka mesti ada seorang wakil untuk membacakan ikrar akujanji.

e) Perjumpaan Ibu Bapa, Responden dan Pentadbir.

Perjumpaan bersama ibu bapa responden apabila setelah selesai 20 hari program ini dijalankan. Setiap ibu bapa akan dimaklumkan berkaitan data kehadiran anak mereka dalam program ini.

f) Pemberian Ganjaran

Responden yang mencatatkan kehadiran 90 peratus ke atas diberi ganjaran berupa satu jambangan coklat. Ganjaran ini diberi semasa perjumpaan bersama ibu bapa, responden dan pentadbir.

g) Membuat Analisis Penilaian dan Laporan.

Setelah program selesai, setiap kehadiran responden dianalisis dan pihak GBKSM akan membuat laporan program.

ANALISIS DATA

a) Instrumen dan Analisis Punca Ketidakhadiran Murid

Analisis ini terbahagi kepada tiga bahagian dalam mengenal pasti punca ketidakhadiran murid ke sekolah iaitu bahagian sosio ekonomi, akademik dan sikap.

Jadual 2: Peratusan Punca Ketidakhadiran Murid Berdasarkan Sosio Ekonomi

SOSIO EKONOMI		UJIAN PRA	UJIAN POS
BIL.	SOALAN	JAWAPAN YA	JAWAPAN YA
1	Saya tiada kenderaan untuk ke sekolah	12/23 (52.17%)	2/23 (8.69%)
2	Jarak dari rumah ke sekolah terlalu jauh	4/23 (17.39%)	4/23 (17.39%)
3	Saya tiada wang perbelanjaan untuk ke sekolah	3/23 (13.04%)	0/23 (0%)
4	Saya letih kerana bekerja	5/23 (21.73%)	3/23 (13.04%)
5	Saya terpaksa menguruskan keluarga (jaga adik/ahli keluarga sakit)	5/23 (21.73%)	2/23 (8.69%)

Jadual 3: Peratusan Punca Ketidakhadiran Murid Berdasarkan Akademik

AKADEMIK		UJIAN PRA	UJIAN POS
BIL.	SOALAN	JAWAPAN YA	JAWAPAN YA
1	Saya tidak suka matapelajaran tertentu. Nyatakan:	1/23 (4.34%)	1/23 (4.34%)
2	Saya tidak suka guru berleter.	1/23 (4.34%)	1/23 (4.34%)
3	Saya tidak faham apa yang di ajar oleh guru	5/23 (21.73%)	3/23 (13.04%)
4	Saya mengelak aktiviti kokurikulum	6/23 (26.08%)	3/23 (13.04%)
5	Alatan pembelajaran tidak lengkap	0/23 (0%)	0/23 (0%)

Jadual 4: Peratusan Punca Ketidakhadiran Murid Berdasarkan Sikap

SIKAP		UJIAN PRA	UJIAN POS
BIL.	SOALAN	JAWAPAN YA	JAWAPAN YA
1	Saya malas	4/23 (17.39%)	2/23 (8.69%)
2	Saya ke sekolah kerana terpaksa	1/23 (4.34%)	0/23 (0%)
3	Saya tidak berminat untuk belajar	1/23 (4.34%)	0/23 (0%)
4	Saya tidak siap kerja sekolah yang diberikan	5/23 (21.73%)	0/23 (0%)
5	Saya selalu tidur lewat	17/23 (73.91%)	3/23 (13.04%)

b) Kehadiran ke Kelas

Peratusan kehadiran pada bulan Ogos mencatatkan peningkatan kehadiran dalam kalangan murid tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Ini menunjukkan bahawa objektif pertama untuk melihat keberkesanan program Pasport Kehadiran dapat dibuktikan melalui data ini.

Jadual 5 : Peratusan Kehadiran Kelas Tingkatan 4 Bagi Bulan Mac-Ogos 2022

TINGKATAN 4	KEHADIRAN MENGIKUT BULAN (%)					
	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS
4 Ibnu Abbas	100	75.89	78.33	74.12	74.71	82.50
4 Ibnu Bathutah	100	62.18	62.86	54.62	54.53	67.88
4 Ibnu Khaldun	100	72.59	72.59	64.19	67.00	81.87
4 Ibnu Majjah	100	86.63	86.67	86.15	86.11	90.93
4 Ibnu Qayyim	100	94.60	96.67	96.25	95.42	99.59
4 Ibnu Rusyd	100	87.43	93.68	87.31	88.30	91.73
4 Ibnu Sina	100	86.50	89.09	91.41	89.90	94.93

Jadual 6 : Peratusan Kehadiran Kelas Tingkatan 5 Bagi Bulan Mac- Ogos 2022

TINGKATAN 5	KEHADIRAN MENGIKUT BULAN (%)					
	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL	OGOS
T4 5 Ibnu Abbas	100	78.82	81.18	78.55	82.35	88.24
T4 5 Ibnu Bathutah	100	60.56	68.37	71.66	76.67	76.49
T4 5 Ibnu Khaldun	100	78.57	87.30	75.91	82.54	86.58
T4 5 Ibnu Majjah	100	80.52	88.41	90.67	82.41	90.48
T4 5 Ibnu Qayyim	100	91.36	92.12	87.17	84.34	88.05
T4 5 Ibnu Rusyd	100	72.78	76.30	72.24	78.76	83.61
T4 5 Ibnu Sina	100	83.79	90.11	90.47	90.42	94.58

Analisa data ketidakhadiran responden melalui Pasport Kehadiran dan borang Semak Kehadiran responden. Kesimpulannya terdapat 15 orang responden yang mencatat kehadiran 70 ke 100 peratus, 6 orang responden mencatat kehadiran 50 ke 60 peratus dan 2 orang responden mencatat kehadiran kurang daripada 50 peratus. Pada awal program, di dapati seramai 12 orang responden mempunyai isu berkaitan pengangkutan dan 17 responden mempunyai isu tidur lewat menyebabkan mereka tidak hadir ke sekolah. Tetapi apabila program Pasport Kehadiran ini dijalankan, responden mencari solusi untuk mengatasi masalah mereka, malah mereka berdisiplin dalam mengatur masa tidur supaya kehadiran mereka tidak terjejas lagi.

Jadual 7 : Jumlah Ketidakhadiran Responden Yang Semakin Menurun

RESPONDEN	Ponteng	Cuti Sakit	Aktiviti	JUMLAH KETIDAKHADIRAN	PERATUS KEHADIRAN
R1	4			4	80
R2				0	100
R3	6			6	70
R4	2			2	90
R5	2		2	4	80
R6	8			8	60
R7	4			4	80
R8	7	1		8	60
R9		1		1	95
R10			KEMALANGAN		0
R11		2		2	90
R12	2	1		3	85
R13	3	5		8	60
R14	1			1	95
R15	11			11	45
R16	2	2		4	80
R17	6			6	70
R18	3			3	85
R19	7	1		8	60
R20	3			3	85
R21	6		2	8	60
R22	5			5	75
R23	7	3		10	50

Berdasarkan dapatan analisis, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang pertama iaitu mengenalpasti keberkesanan program Pasport Kehadiran dalam meningkatkan jumlah kehadiran ke sekolah dalam kalangan murid Tingkatan 4 dan 5. Terdapat dua tema mengenai keberkesanan program Pasport Kehadiran telah berjaya dikenalpasti iaitu boleh dikira dan penghargaan dapat menyumbang perubahan tingkah laku murid.

Melalui dapatan analisis dokumen juga menunjukkan bahawa kaedah Pasport Kehadiran telah berjaya mencapai objektif yang kedua iaitu meningkatkan jumlah kehadiran

murid Tingkatan 4 dan 5 ke sekolah. Hasil analisis dokumen menunjukkan peningkatan peratus kehadiran dan peningkatan bilangan hari hadir ke sekolah untuk 65% (15 murid) responden. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian oleh Epstein dan Sheldon (2002) yang menjelaskan bahawa *'rewarding elementary students for good attendance with parties, gift certificates, and recognition at assemblies had a meaningful correlation with reducing chronic absenteeism as well as increasing daily attendance rates'*.

Secara keseluruhannya, melalui kajian tindakan ini, pengkaji dapat membaiki amalan sendiri yang sebelum ini hanya menggunakan teknik motivasi dan dendaan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan hadir ke sekolah dalam kalangan responden. Selain itu, kepuasan kerja pengkaji juga bertambah kerana kajian tindakan ini akhirnya menampakkan hasil yang positif. Kejayaan kajian tindakan ini mendorong motivasi pengkaji untuk melaksanakan kajian tindakan dalam bidang lain di masa akan datang.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Railsback (2004) menyatakan, *don't rely on using rewards as the only strategy for increasing attendance. Research shows mixed results for this approach, and positive results are often not long term.* Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian akan datang yang ingin dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan sikap guru dalam meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Hal ini kerana kajian oleh Bernard (2004) menjelaskan bahawa, *perhaps the most important finding in research concerning dropout prevention, attendance, student engagement, and effective small schools is that students are more likely to remain and achieve in schools where people care about them.*

Seterusnya, pengkaji mencadangkan supaya kaedah penghargaan digunakan untuk memastikan kehadiran murid ke sekolah dapat terus dikekalkan.

Peneguhan positif dalam bentuk pujian boleh digunakan oleh para guru supaya murid-murid yang kerap ponteng merasakan kehadiran mereka ke sekolah sangat dihargai oleh guru. Ini kerana menurut Willingham (2006) apabila pendidik mahir menggunakan pujian untuk memperkukuhkan tingkah laku yang diinginkan telah dapat memupuk motivasi murid mereka. Begitu juga sekiranya guru mahir memberikan pujian terhadap tingkah laku murid yang hadir, akan mewujudkan motivasi instrinsik dalam diri murid untuk terus hadir ke sekolah.

Kajian ke atas responden tingkatan 4 dan tingkatan 5 telah memberi kesan yang positif terhadap peratus kehadiran murid, maka Passport Kehadiran akan digunakan kepada murid menengah rendah (tingkatan 1 hingga 3) untuk mengatasi masalah ponteng. Peserta kajian yang telah berjaya akan melalui proses *"follow up"* oleh kaunselor untuk memastikan mereka tidak mengulangi sikap ponteng sekolah.

RUJUKAN

- Benard,B. 92004). Resiliency What We have Learned. Children, Youth and Environment. 15 (1).
- Epstein,J.L. & Sheldon,S.B. (2002). Present and Accounted for : Improving Student Attendance Through family and Community Involvement. *The Journal of Educational Research*, 95 (5), 308- 318.
- Neelam, C.G. (2013). A Study of The Factors Leading to Truancy Among Adolescent Students in District Faridabad. *Journal of Research & Method in Education*, 1 (6), 13-19.
- Nemec, C. J., Watson, R. A. (2007). Teacher Iniatitives to Reduce truancy Among High School Students. Research Project, Saint Xavier University.
- Nyika,R., & Mercy,K. (2014). Strategies Employed by Primary School Teachers in Sadza cluster in Managing truancy. *Greener Journal of Education Research*, 4 (3) 63- 70.
- Railsback,J. (2004). Increasing Student Attendance : Strategies From Reseach and Practice. Northwest Regional Educational Laboratory.
- Veloo, A., & Kim, N. C. (2014). Jenis Amaran dan Faktor Ponteng Sekolah dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sabah. *Asia Pacific Journal Of Educators And Education*, 29, 125-139.
- Willingham,D.T,. (2006). Its Speeds and Strengthens Reading Comprehension, Learning and Thingking. *American Educator*.